



JURNAL PENDIDIKAN BAHASA MELAYU *Malay Language Education Journal*

MENEROKA MAKNA UNGKAPAN DALAM BAHAN SENI BAHASA TAHUN LIMA: SATU ANALISIS SEMANTIK INKUISITIF

(Exploring the Expressions' Meaning in The Year Five's Language Art's Material: An Analysis of Inquisitive Semantic)

George Romiko Bujang¹ & Mary Fatimah Subet²

^{1, 2}. Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Malaysia Sarawak, Saarahan, Sarawak, MALAYSIA.

Koresponden: **George Romiko Bujang**, georgeromiko@yahoo.com

ISSN: 2180-4842

Terbitan: Mei, 2022

Volume: 12

Bilangan: 01

Halaman: 09-18

Dihantar pada:

15 Februari 2022

Diterima pada:

30 April 2022

Abstrak: Sajak ialah salah satu aspek seni bahasa yang diajar dengan bersistematik di peringkat pendidikan rendah. Bagi mengimbangi kognitif murid dengan perkembangan pendidikan abad ke-21, satu pendekatan yang bersifat holistik dan multidisiplin perlu diketengahkan. Justeru, kajian ini dilaksanakan dengan menggunakan pendekatan semantik inkuisitif yang diperkenalkan oleh Nor Hashimah Jalaluddin (2014) untuk merungkai makna ungkapan dalam sajak secara berperingkat sehingga menemui falsafah dan akal budi. Teori Relevans yang diasaskan oleh Sperber dan Wilson (1986) dan Rangka Rujuk Silang (RRS) diaplikasikan dalam peringkat kedua analisis semantik inkuisitif ini. Seramai 11 orang murid tahun lima telah terlibat sebagai responden kajian. Kajian kualitatif ini menggunakan kaedah analisis teks iaitu ungkapan yang dipilih daripada sajak sebagai data kajian. Dapatkan kajian mendapat bahawa pendekatan semantik inkuisitif yang bersistematik dan multidisiplin ini berupaya mengembangkan kognitif murid dalam usaha meneroka makna tersirat yang terkandung dalam bahan pengajaran dan pembelajaran seni bahasa. Penggunaan Teori Relevans dan RRS dalam peringkat kedua analisis semantik inkuisitif menjadikan pembelajaran pendidikan seni bahasa lebih menarik, bermakna dan menyeronokkan. Pendekatan semantik inkuisitif yang diaplikasikan ini diharapkan menjadi kaedah yang sesuai dengan amalan pendidikan abad ke-21 untuk menghasilkan impak pembelajaran seni bahasa yang lebih berkualiti.

Kata kunci: Seni bahasa, teori relevans, semantik inkuisitif, semantik resonans, Rangka Rujuk Silang

Abstract: Rhyme is one of the aspects of language arts that is taught systematically in the primary education level. In facing the 21st century education, a holistic and multidisciplinary approach needs to be highlighted in order to balance pupils' cognitive. Hence, this study was carried out using the inquisitive semantic approach introduced by Nor Hashimah (2014) to unravel the meaning of expression in rhyme in stages until it discovers philosophy and common sense. The Relevance Theory founded by Sperber and Wilson (1986) and the Cross-Reference Framework (CRF) was applied in the second stage of this inquisitive semantic analysis. 11 of year five pupils were involved as respondents to this study. This qualitative study uses the text analysis method, which is an expression chosen from a rhyme. The result found that the systematic and multidisciplinary IS approach are able to develop pupils' cognitive in an effort to explore the implicit meanings contained in the teaching and learning materials of language art. The using of Relevance Theory and CRF in the second stage of semantic resonance analysis makes learning language arts education more interesting, meaningful and enjoyable. The semantic approach applied is expected to be a suitable method of 21st century educational practices to produce a good quality impact of language arts' learning.

Keywords: Language art, relevant theory, inquisitive semantics, resonance semantics, Cross-Reference Framework

PENGENALAN

Pengajaran dan pembelajaran (PdP) seni bahasa merupakan salah satu aspek yang diajar dalam mata pelajaran Bahasa Melayu lebih-lebih lagi di peringkat pendidikan rendah. Menurut George Romiko dan Mary Fatimah (2021), kewujudan seni bahasa dalam silibus pembelajaran Bahasa Melayu adalah untuk memberi lebih ruang kepada murid mempelajari dan menghayati keindahan kesenian bahasa Melayu seperti sajak, nyanyian, peribahasa, tulisan khat dan sebagainya. Kebanyakan bahan ini disusun dalam bentuk baris dan rangkap. Keindahan bahasa yang digunakan semasa aktiviti seni bahasa ini dapat membantu murid memantapkan kemahiran berbahasa mereka.

Dalam perkembangan pendidikan Bahasa Melayu, seni bahasa memainkan peranan yang amat penting bagi memastikan murid berketrampilan dalam berbahasa. Aktiviti didik hibur dalam PdP seni bahasa yang mengaplikasikan pelbagai pendekatan dan teknik seperti nyanyian dan permainan serta penggunaan pelbagai bahan yang menarik dapat membantu murid menguasai dan menghayati pembelajaran (Chew Fong Peng, 2016). Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2005), seni membawa maksud halus (kecil, elok), tipis dan halus, enak didengar. Bahasa pula membawa maksud sistem lambang bunyi suara yang dipakai sebagai alat perhubungan dalam lingkungan satu kelompok manusia. Jadi dapat disimpulkan bahawa seni bahasa ialah aspek yang menghuraikan lebih tentang kehalusan dan keindahan bahasa Melayu.

Perancangan sesi PdP dalam kelas yang dirancang dengan rapi mengikut peringkat dan tingkat disiplin ilmu mengupayakan murid untuk memperoleh makna yang diigini dalam bahan pembelajaran seni bahasa. Perkembangan kognitif dan ledakan teknologi yang serba canggih dilihat berupaya mencabar minda murid dalam menongkah arus untuk mengesahkan makna yang terkandung dalam bahan seni bahasa yang diajar di sekolah. Di peringkat pendidikan rendah, aspek seni bahasa diajar secara langsung untuk memberi pendedahan kepada semua murid dari tahun 1 sehingga ke tahun 6 tentang puisi berbanding sebelum ini di mana kemahiran seni bahasa disisipkan dalam komponen sastera (KOMSAS) Bahasa Melayu dan diajar secara berasingan. Secara tidak langsung, pengajaran puisi dalam kemahiran seni bahasa ini mampu memperkasa penggunaan Bahasa Melayu dalam kalangan murid dengan lebih meluas dan berkesan di samping memupuk minat murid untuk mempelajari ilmu penerokaan makna dalam bahan seni bahasa.

PERNYATAAN MASALAH

Seni bahasa di peringkat pendidikan rendah merangkumi pelbagai bahan pembelajaran seperti pantun, syair, sajak, gurindam dan seloka. Menurut Chew Fong Peng dan Zul Hazmi (2018), transformasi

dalam sistem pendidikan negara telah bermula pada tahun 2011 lagi dengan pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) bagi menggantikan Kurikulum Baharu Sekolah Rendah (KBSR). Namun hakikatnya, masih ramai murid belum mampu menguasai dan mentaksir makna yang terkandung dalam bahan seni bahasa yang dipelajari terutamanya puisi moden, iaitu sajak. Para murid terkapai-kapai dalam usaha menongkah arus pembelajaran yang mengaplikasikan kemahiran berfikir aras tinggi (George Romiko & Mary Fatimah 2021).

Berdasarkan Laporan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM 2018) menyatakan bahawa para murid masih belum mempunyai kerangka konseptual yang jelas dalam menghasilkan jawapan secara kritis. Jawapan yang diberikan gagal dikembangkan dan diteroka dengan baik. Perkara ini menyebabkan penjelasan tentang isi kandungan secara tersurat dan tersirat menjadi lemah dan seterusnya mengakibatkan kandungan isi jawapan yang dikemukakan jauh daripada fokus pembelajaran, meleret-leret dan tidak menepati kehendak tugas. Dalam dokumen standard kurikulum dan pentaksiran (DSKP) Bahasa Melayu Tahun 5 (2019), aspek seni bahasa yang merujuk kepada keindahan, kehalusan dan kebahasaan dalam bahasa Melayu perlu difahami dan dikuasai oleh murid. Kenyataan ini disesuaikan lagi dengan standard pembelajaran seni bahasa yang terkandung dalam DSKP, iaitu mendeklamasi sajak dengan nada yang sesuai dan menyatakan maksud sajak.

Dalam usaha untuk mengupayakan murid mengesah dan meneroka makna yang terkandung dalam bahan seni bahasa, iaitu sajak ini, satu pendekatan khusus yang baharu perlu diketengahkan. Oleh itu, pendekatan semantik inkuisitif yang diperkenalkan oleh Nor Hashimah (2014) dalam bidang pragmatik bertepatan dengan matlamat kajian ini untuk menganalisis ungkapan dan frasa yang dipilih daripada petikan sajak. Pemilihan pendekatan semantik inkuisitif dalam kajian ini disokong oleh Mary Fatimah (2019) yang menyatakan fikiran murid akan lebih kreatif dan kritis melalui pendekatan Teori Relevan yang merupakan satu komponen untuk menganalisis data dalam pendekatan semantik inkuisitif.

Buktinya, murid berupaya memikirkan andaian-andaian yang diperlukan untuk sampai kepada makna sebenar yang dihajati serta turut berupaya memikirkan makna di luar jangkauan isi yang dipaparkan secara bertulis. Teori Relevan yang membantu mengukuhkan penganalisisan makna dalam pendekatan semantik inkuisitif mampu mewujudkan kesan kognitif yang tinggi di mana murid akan memikirkan andaian yang paling relevan serta berupaya menghasilkan penginterpretasian makna yang tinggi kesahannya.

Mohd Ridzuan dan Mary Fatimah (2018) menjelaskan bahawa analisis makna bahan pengajaran seni bahasa, iaitu peribahasa dengan menggunakan kerangka semantik inkuisitif merupakan pendekatan

terbaik dalam proses PdP bahan seni bahasa seperti peribahasa kerana ia bersifat kontekstual dan multidisiplin. Kaedah PdP seperti ini dilihat dapat membantu guru dan murid untuk mencungkil falsafah dan akal budi Melayu di sebalik makna yang tersurat dan tersirat. Pendekatan semantik inkuisitif diharapkan dapat memberi impak positif dalam PdP seni bahasa untuk mewujudkan suasana PdP sajak yang seronok dan bermakna.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dilakukan untuk menganalisis makna tersirat dalam bahan PdP seni bahasa dengan mengaitkan data dan teori dengan keupayaan kognitif murid. Selain itu, kajian ini juga akan menghuraikan keberkesanannya Teori Relevan dan pendekatan semantik inkuisitif sebagai pendekatan PdP seni bahasa.

TINJAUAN LITERATUR

Mohd Ridzuan dan Mary Fatimah (2018) telah menjalankan kajian yang berkaitan dengan inovasi PdP peribahasa Melayu menggunakan pendekatan semantik inkuisitif. Kajian ini telah menggunakan data peribahasa '*Melentur buluh biarlah dari rebungnya*'. Pengkaji telah mengemukakan semantik skripnya, kemudian semantik resonans dengan mengambil kira data, teori dan kognitif penutur dan akhir sekali data dianalisis pada peringkat semantik inkuisitif dengan mengambil kira falsafah dan akal budi penutur penutur jati. Sebagai contoh, dalam data yang dianalisis oleh pengkaji menggunakan semantik skrip, iaitu '*melentur buluh biarlah dari rebungnya*' diberi maksud sebagai melatih atau mendidik anak hendaklah sejak dari kecil kerana jika sudah besar susah hendak mendidiknya.

Pada peringkat analisis semantik resonans, pengkaji telah mengaplikasikan Rangka Rujuk Silang (RRS) dalam Teori Relevans untuk menjelaskan makna yang lebih mendalam. Berdasarkan konteks Teori Relevans, peribahasa '*melentur buluh biarlah dari rebungnya*' tidak sukar untuk diproses kerana ia mempunyai antecedent yang membolehkan peribahasa tersebut difahami maknanya walaupun secara implisit. Dapat daripada analisis semantik inkuisitif pula ialah pengkaji melihat imej '*buluh*' yang digunakan di dalam peribahasa ini mempunyai makna implisit yang ingin mengetengahkan ciri-ciri '*keras*' yang ada pada buluh tersebut untuk dikaitkan dengan salah satu perwatakan yang ada pada manusia iaitu '*degil*' ataupun '*keras kepala*'.

Sifat buluh yang keras dalam peribahasa ini kemudiannya dibandingkan dengan sifat lembut yang ada pada rebung untuk menunjukkan perbezaan yang ada pada kedua-dua objek ini. Rebung pula merupakan tunas muda yang tumbuh daripada akar buluh dan keluar daripada rumpun buluh. Melihat kepada struktur dan sifat yang ada pada buluh dan rebung, maka tidak

hairanlah masyarakat Melayu dahulu menggunakan kedua-dua imej ini untuk memberi kiasan kepada ibu bapa mengenai urusan kekeluargaan dalam mendidik anak-anak. Perbuatan 'melentur' dalam peribahasa ini bermotivasiikan '*mendidik*' yang dilihat sebagai usaha ibu bapa untuk membentuk akhlak dan keperibadian anak-anak mengikut acuan yang dikehendaki. Dengan demikian, pengkaji telah dapat mencungkil falsafah serta akal budi penutur jati yang tersembunyi di sebalik setiap ungkapan peribahasa melalui proses PdP peribahasa di dalam bilik darjah.

George Romiko dan Mary Fatimah (2021) telah mengkaji pendekatan semantik inkuisitif dengan kemahiran berfikir aras tinggi dalam PdP bahan seni bahasa. Pengkaji telah menggunakan sajak yang bertajuk '*Tenaga Alternatif*' yang dipetik daripada buku teks bahasa Melayu Tahun 5 Sekolah Kebangsaan (SK). Pengkaji telah memilih baris '*memutar turbin tanpa jemu*' daripada rangkap yang kedua sajak "*Tenaga Alternatif*". Baris sajak ini diklasifikasikan sebagai BF metafora. Hasil kajian mendapat murid berupaya mencari makna permukaan di peringkat semantik skrip kerana pencarian makna di peringkat ini dilihat agak mudah, iaitu murid dibimbing mencari makna harfiah hanya menggunakan Kamus Dewan Edisi Keempat (2014).

Seterusnya, murid dibimbing ke peringkat semantik resonans. Pada peringkat ini, pengkaji telah membimbing murid mengaplikasikan analisis Teori Relevans yang diasaskan oleh Sperber dan Wilson (1986). Berpandukan kod '*jemu*' dan inferens 'perasaan suka yang semakin berkurangan' yang diberikan, murid berupaya mengemukakan andaian-andaan yang relevans, iaitu tidak akan berhenti selagi tiada gangguan, kering disebabkan tiada hujan turun dan tidak digunakan lagi. Melalui penerokaan makna di peringkat semantik inkuisitif yang merentas pelbagai disiplin ilmu, hasil bimbingan daripada guru, murid berupaya mencungkil makna ujaran '*memutar turbin tanpa jemu*' sehingga menyerlahkan falsafah, budaya dan akal budi penulis sajak.

George Romiko dan Mary Fatimah (2021) telah melaksanakan kajian dengan menganalisis ungkapan yang terkandung dalam sajak "*Istimewanya Kita*". Pendekatan semantik inkuisitif yang diperkenalkan oleh Nor Hashimah (2014) digunakan dalam kajian ini untuk mengesan dan mencungkil makna sehingga ke peringkat falsafah dan akal budi pencipta sajak. Hasil analisis terhadap data '*membuka pintu dunia*' yang dipetik daripada sajak '*Istimewanya Kita*' mendapat makna yang tersirat yang dihajati di sebalik ungkapan '*membuka pintu dunia*' dapat dirungkai oleh murid apabila analisis di tiga peringkat iaitu, analisis semantik skrip, semantik resonans dan semantik inkuisitif dapat dilakukan.

Pada peringkat semantik inkuisitif, murid telah dibimbing untuk merungkai makna pintu dunia yang dikaitkan dengan rahim seorang insan yang bergelar

ibu. Rajah kelahiran diberikan dan diterangkan oleh guru bagi memudahkan lagi pemahaman murid terhadap pemilihan pintu dunia dalam baris sajak tersebut. Melalui perspektif semantik inkuisitif ini, murid dapat merungkai budaya, falsafah dan akal budi yang tersirat dalam baris ‘*Membuka pintu dunia*’ dalam sajak ‘*Istimewanya Kita*’. Secara tidak langsung, murid memahami dengan jelas pengorbanan seorang wanita bergelar ‘ibu’ yang melahirkan zuriat untuk menyambung warisan kehidupan.

Ringkasnya, hasil kajian lepas banyak membuktikan bahawa bahan seni bahasa seperti sajak yang diajar di dalam kelas pendidikan Bahasa Melayu berupaya memberi impak yang positif kepada murid. Namun begitu, dari segi pemahaman makna dalam bahan pengajaran itu membantutkan usaha guru dan murid untuk sama-sama menjalani proses PdP dalam situasi yang menyeronokkan. Dengan pelaksanaan analisis dengan menggunakan semantik inkuisitif ini nanti, diharapkan agar dapat membantu guru dan murid memahami makna bahan pembelajaran seni bahasa dengan lebih mendalam.


KERANGKA TEORITIKAL

Kajian ini menggunakan pendekatan semantik inkuisitif yang diperkenalkan oleh Nor Hashimah (2014) yang mengambil kira data autentik, semantik dan konteks, kognitif penutur, budaya dan akhirnya dikaitkan dengan akal budi penuturnya. Pendekatan semantik inkuisitif ini terdiri daripada tiga peringkat penganalisisan data iaitu, semantik skrip, semantik resonans dan semantik inkuisitif. Pada peringkat semantik skrip, ia melibatkan tafsiran makna harfiah. Semantik skrip hanya melibatkan hubungan bahasa, makna dan pemikiran. Tafsiran makna dilakukan berdasarkan tafsiran umum daripada pemerhatian secara lapangan dan melalui pembacaan terhadap teks-teks yang ada bagi mentafsir pemikiran Melayu, sehingga tafsiran makna hanya dapat dilihat secara permukaan. Pada peringkat semantik resonans, tafsiran melibatkan proses menghuraikan kognitif penutur.

Teori Relevans yang diasaskan oleh Sperber dan Wilson (1986) diaplakasikan dalam peringkat analisis resonans. Teori Relevans menekankan tiga gagasan utama, iaitu konteks, kesan kognitif dan usaha memproses maklumat. Bagi mencapai keberhasilan analisis pada tahap kognitif, Rangka Rujuk Silang (RRS) yang merupakan konsep tambahan kepada Teori Relevans turut digunakan dalam peringkat analisis ini. RRS membenarkan pendengar mencari premis tambahan daripada konteks ayat yang diberikan. Dalam ayat ini, tiada anteseden untuk dipautkan antara ayat-ayat yang digunakan.

Namun begitu, premis tambahan daripada konteks ayat itu dapat membantu pembaca memproses apa-apa yang dihajati oleh penulis (Nor Hashimah & Ahmad 2009). Pada peringkat ketiga, iaitu peringkat

terakhir dalam pendekatan semantik inkuisitif dipanggil sebagai semantik inkuisitif. Analisis semantik tahap ini meneroka jauh ke tahap akal budi penuturnya. Semantik peringkat ini mengaitkan bahasa, budaya, kognitif dan sekali gus mencerminkan akal budi Melayu. Dalam peringkat ini, jawapan kepada ‘*mengapa*’ dan ‘*kenapa*’ hingga terbongkarnya rahsia pemikiran Melayu serta makna tersirat dalam sajak yang mendasari akal budi Melayu akan dapat dicungkil dan diketahui makna dengan sedalam-dalamnya.



RAJAH 1: Peringkat Semantik Inkuisitif
Sumber: Diubah suai daripada Nor Hashimah (2014)

METODOLOGI

Kajian yang dijalankan ini menggunakan kaedah kajian kualitatif. Kajian ini memilih teks sajak sebagai data kajian. Pengkaji memilih untuk melaksanakan kaedah analisis dokumen terhadap dua ungkapan yang dipilih daripada petikan sajak “*Jiwa Hamba*” yang dicipta oleh Usman Awang (2009). Sajak ini diambil daripada buku teks Bahasa Melayu Tahun Sekolah Kebangsaan (Hasdi et al. 2020). Menurut Syed Arabi Idid (1998) dalam Muhammad Fauzi (2003), pemilihan sampel yang terlalu banyak tidak semestinya melambangkan ketepatan dapatan yang diingini. Memadai sahaja kalau beberapa sampel diambil kerana dapatan yang dihasilkan nanti adalah sama. Saiz sampel yang kecil antara satu hingga lima data kajian sudah mencukupi asalkan sampel berkenaan memenuhi kriteria pensampelan (Liamputtong 2014).

Pengkaji mendapatkan maklum balas daripada responden kajian yang terdiri daripada 11 orang murid tahun 5. Pemilihan jumlah responden ini menepati prosedur persampelan tujuan, iaitu sekumpulan subjek yang mempunyai ciri-ciri khusus yang tertentu sahaja dipilih sebagai responden kajian berdasarkan pengetahuan dan tujuan khusus penyelidikan. Data kajian ini dianalisis dengan menggunakan kaedah penganalisisan data semantik inkuisitif yang

diperkenalkan oleh Nor Hashimah (2014) seperti yang dijelaskan dalam kerangka teoritikal.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Dalam bahagian perbincangan dapatan kajian ini, guru yang bertindak sebagai pengkaji membimbangi murid dalam sesi pengajaran dan pembelajaran sajak untuk menganalisis dua data, iaitu, dua ungkapan yang dipilih daripada baris sajak '*Jiwa Hamba*' (Rujuk Lampiran).

Analisis Data 1: Kosong di Jiwa Tiada Penghuni

Ungkapan '*kosong di jiwa tiada penghuni*' dipetik daripada rangkap pertama sajak "*Jiwa Hamba*". Dalam pendekatan semantik inkuisitif, prosedur analisis harus dilakukan di peringkat permukaan terlebih dahulu, iaitu analisis di peringkat semantik skrip. Pada peringkat ini, murid dibimbangi mencari makna literal menggunakan kamus bahasa Melayu, iaitu Kamus Dewan Edisi ke-4. Pencarian makna di peringkat ini amat mudah kerana kumpulan murid yang terdiri daripada 2 hingga 3 orang dalam satu kumpulan akan berkolaborasi mengesan makna yang terdapat dalam kamus bahasa Melayu. Pengkaji merangkap guru yang mengajar dalam sesi PdP bahan seni bahasa ini bertindak sebagai pemudahcara semasa menjalankan bimbingan. Setiap leksikal dalam ungkapan '*kosong di jiwa tiada penghuni*' akan dicari maknanya dan ditulis dalam jadual yang disediakan (rujuk lampiran). Berikut ialah hasil pencarian makna literal yang diperoleh oleh murid dalam sesi perbincangan dan sumbang saran yang dijalankan.

JADUAL 1: Makna harfiah '*Kosong di jiwa tiada penghuni*'

Data	Ungkapan	Perkataan	Makna
1	Kosong di jiwa tiada penghuni	kosong di jiwa tiada penghuni	- tidak berisi apa-apa - kata sendi nama yang menunjukkan tempat - nyawa, roh - tidak ada - penduduk, penunggu

Berdasarkan Jadual 1, makna literal yang terhasil ialah kosong = tidak berisi apa-apa, di = kata sendi nama yang menunjukkan tempat, jiwa = nyawa atau roh, tiada = tidak ada dan penghuni = penduduk atau penunggu. Makna yang terhasil ini secara umumnya belum dapat menggambarkan makna sebenar yang dihajati oleh penulis atau pencipta sajak. Ada makna tersirat yang tersimpan di sebalik falsafah dan akal budi si penuturnya. Maka dengan itu, guru seterusnya membimbangi murid ke peringkat kedua penganalisisan data ini.

Peringkat kedua proses penganalisisan data ini dinamakan sebagai semantik resonans. Pada peringkat ini, pengkaji mengaplikasikan Teori Relevans yang

diasaskan oleh Sperber dan Wilson (1986) dan ditambahbaik pada tahun 1995. Pengkaji memainkan peranan sebagai guru dengan mengarah murid ke arah penggunaan kemahiran kognitif yang tinggi. Di peringkat ini juga, murid diminta mengemukakan andaian-andaian seperti yang disyaratkan dalam Teori Relevans untuk mendalami makna sebenar yang dihajati oleh penyajak. Sebelum kod, inferens dan andaian dikemukakan, murid terlebih dahulu diberikan maklumat konteks. Dalam Teori Relevans, konteks merupakan seberkas andaian yang terbina daripada situasi mental mahupun yang diperoleh daripada persekitaran yang sebenarnya. Teori Relevans menekankan maklumat konteks dan peranan kognitif untuk mencapai kerelevan sesuatu ujaran. Semakin banyak kesan kognitif diperoleh, maka semakin kurang usaha memproses maklumat diperlukan, dan kesannya semakin relevanlah ujaran itu.

Namun demikian, jika terlalu sedikit kesan kognitif diperoleh, maka semakin tinggilah usaha untuk memproses maklumat, dan kesannya semakin tidak relevanlah ujaran tersebut. Dalam Teori Relevans, konteks boleh dikesan melalui pelbagai cara, antaranya melalui kenangan manis, kenangan pahit, kenangan lucu, pengalaman sedia ada, peristiwa sejarah, ujaran yang terdahulu, ujaran selepas, catatan ensiklopedia dan sebagainya. Kewujudan konteks akan memudahkan murid untuk mengesan makna pada tahap semantik resonans. Maklumat ini telah tersimpan sedia ada dalam memori jangka panjang murid. Jadi, agak senang untuk mengarah murid mencipta kesan kognitif yang disyaratkan dalam Teori Relevans. Susulan itu, murid diedarkan dengan edaran jadual yang mengandungi kod, inferens dan andaian. Hasil perbincangan dengan murid dapat diperhatikan dalam Jadual 2.

Proses mementukan andaian yang paling relevan dilakukan setelah murid mengemukakan kod dan inferens dengan menggunakan analisis Teori Relevans (seperti Jadual 2). Sebagaimana yang telah dinyatakan sebelum ini, murid perlu mengemukakan andaian-andaian yang berkaitan dengan bahan pembelajaran seni bahasa iaitu, ungkapan '*kosong di jiwa tiada penghuni*'. Berdasarkan hasil perbincangan, dua andaian telah diperoleh hasil daripada perbincangan yang dilakukan dalam kumpulan. Dua andaian iaitu, yang pertama ialah '*tidak memiliki ilmu pengetahuan*' dan yang kedua ialah '*tiada pengalaman yang berguna*'. Murid telah sedia maklum bahawa seseorang individu yang tiada ilmu pengetahuan ibarat jiwa mereka tiada penghuni. Maklumat seperti ini sememangnya telah wujud dalam kotak pemikiran jangka panjang murid. Namun begitu, pemahaman makna di peringkat ini belum mampu mencungkil falsafah dan akal budi penutur ataupun penulis sajak ini walaupun pada hakikatnya, murid berupaya memperkasakan kemahiran kognitif mereka untuk memperoleh makna yang dihajati.

JADUAL 2: Penentuan kod, inferens dan andaian

Analisis Teori Relevan		
Data (1) Kosong di jiwa tiada penghuni		
Kod	Inferens	Andaian
Jiwa tiada penghuni	kosong	<ol style="list-style-type: none"> 1. Tidak memiliki ilmu pengetahuan 2. Tiada pengalaman yang berguna

Bagi memberikan murid nilai tambah dalam pemahaman makna ungkapan ‘*kosong di jiwa tiada penghuni*’, Rangka Rujuk Silang (RRS) yang diperkenalkan oleh Kempson (1986) dalam Teori Relevans digunakan. RRS ialah ujaran yang tidak mempunyai anteseden yang dapat mengaitkan ayat kedua dengan ayat pertama namun premis tambahan mampu menginterpretasi maklumat yang wujud dengan baik. Hal ini bermakna anteseden yang diperoleh melalui RRS memastikan maklumat terdahulu dan maklumat yang wujud selepasnya mampu menyediakan konteks yang jelas ditambah pula peranan kognisi pendengar telah berjaya menghasilkan interpretasi yang tepat terhadap makna. Menurut Mary Fatimah (2012), dalam Teori Relevans, dengan melihat kepada ujaran yang terdahulu dan juga selepasnya ini akan membantu penginterpretasian makna menjadi lebih mudah. Perspektif semantik resonans tentang ungkapan ‘*kosong di jiwa tiada penghuni*’ dapat diteliti melalui pendekatan RRS di bawah.

‘Apa nak jadi dengan budak-budak sekarang ni. Kosong di jiwa tiada penghuni. Disuruh belajar, tak nak’, kata Pak Akob dengan nada meninggi.

Berdasarkan ungkapan ‘*kosong di jiwa tiada penghuni*’ telah memberikan kesan kognitif kepada murid terutamanya apabila wujudnya frasa “*Disuruh belajar, tak nak*” telah memberi kesinambungan untuk membantu interpretasi perwatakan yang dicari. Kewujudan baris ‘*kosong di jiwa tiada penghuni*’ memudahkan usaha memproses maklumat dalam diri murid. Berdasarkan Teori Relevans semakin banyak kesan kognitif yang berhasil maka semakin mudah usaha memproses dan semakin relevan ujaran tersebut.

Seterusnya, murid dibimbang pula untuk mencungkil makna sehingga menemui falsafah dan akal budi di sebalik penciptaan ungkapan ‘*kosong di jiwa tiada penghuni*’. Di sinilah murid akan menjawab persoalan ‘kenapa’, ‘kenapa’ dan ‘kenapa’ sebagaimana yang dituntut dalam analisis di peringkat semantik inkuisitif. Keupayaan murid mencari makna secara merentas pelbagai disiplin ilmu terserah apatah lagi ditambah dengan aspek kemahiran berfikir yang tinggi memungkinkan murid meneroka dan mencungkil makna sehingga menemui falsafah dan akal budi pencipta sajak. Kenapa penyajak memilih jiwa bukannya hati atau perasaan? Jiwa berasal dari bahasa Sanskrit yang membawa maksud ‘benih kehidupan’.

Dalam ilmu teologi, jiwa dipercaya terus hidup selepas seseorang meninggal, dan sebahagian agama mengajarkan bahawa Tuhan ialah pencipta jiwa. Kajian Che Zarrina dan Mohd Manawi (2018) menyatakan definisi jiwa oleh al-Razi yang ditafsir daripada dua aspek. Pertama, dari aspek sandaran jiwa kepada badan, di mana jiwa merupakan penyempurna awal bagi jisim tabi’i yang mempunyai alat dan berpotensi menerima kehidupan. Kedua, dari aspek hakikatnya iaitu jiwa merupakan suatu jawhar yang tersendiri dan berlainan daripada jasad. Ia berhubung kait dengan badan dari aspek pengurusan dan perlaksanaan di mana jiwa sebagai pengurus dan pelaksana, manakala anggota badan pula sebagai alat dan kelengkapan bagi jiwa.

Al-Razi membawa satu analogi mudah bagi memahami hubungan tersebut iaitu jiwa dianalogikan sebagai seorang tukang kayu yang boleh melakukan pelbagai kerja melalui alat-alatan yang berbeza-beza. Maka begitu juga jiwa yang melihat melalui mata, mendengar melalui telinga, berfikir melalui otak, bertindak melalui hati. Selain itu, jiwa juga tidak bersifat qadim, bahkan baharu dan ia diciptakan bersama dengan penciptaan badan. Guru mendedahkan maklumat tentang definisi jiwa ini kepada murid untuk memberi kefahaman bahawa jiwa yang kosong itu menunjukkan seseorang yang tidak menggunakan anugerah yang diberikan ini dengan sebaik mungkin dalam meneruskan kehidupan sebagai seorang insan.

Seterusnya, kenapa istilah ‘*penghuni*’ dipilih oleh penyajak bagi melengkapkan ujarannya? Penghuni dierti sebagai sekumpulan orang atau individu yang menetap di sesuatu tempat atau kawasan. Kewujudan penghuni di sesuatu kawasan itu memberi impak positif yang tertentu seperti pembangunan kawasan dan keseimbangan ekosistem yang telah sedia ada di kawasan tersebut. Sekiranya sesuatu kawasan itu tidak berpenghuni, keadaan suasana atau keadaan akan menjadi sunyi, sepi dan suram seperti yang diungkapkan melalui ungkapan ‘*kosong di jiwa tiada penghuni*’. Pada situasi ini, murid dengan bimbingan guru berusaha untuk mengaitkan penjelasan tentang penghuni di sesuatu kawasan dengan keadaan jiwa yang kosong yang tidak mempunyai sebarang ilmu dan pengalaman.

Dengan itu, murid berjaya mentafsir dan mencungkil makna ungkapan ‘*kosong di jiwa tiada penghuni*’ sehingga menemui falsafah dan akal budi penuturnya. Secara tidak langsung, murid juga turut berupaya mengaplikasikan aspek kemahiran berfikir dalam usaha memperoleh makna yang terkandung dalam bahan PdP seni bahasa ini.

Analisis Data 2: Selagi Hidup Berjiwa Hamba

Data ‘selagi hidup berjiwa hamba’ yang dipetik daripada rangkap kedua sajak ‘*Jiwa Hamba*’ akan dicari makna harfiahnya terlebih dahulu oleh menggunakan Kamus Bahasa Melayu. Pada peringkat ini, pencarian

makna sememangnya agak mudah kerana murid telah dibimbing mencari makna menggunakan kamus sebelum ini. Kemahiran murid menggunakan Kamus Bahasa Melayu dalam proses mencari makna setiap leksikal yang terdapat pada ungkapan tidak dapat disangkal lagi. Murid diperhatikan semakin berupaya memperoleh makna literal dengan hanya dibimbing secara minimum oleh guru. Berikut ialah makna di peringkat permukaan yang dihasilkan oleh murid melalui perbincangan dalam kumpulan yang kecil.

JADUAL 3: Makna harfiah '*Selagi hidup berjiwa hamba*'

Data	Ungkapan	Perkataan	Makna
1	Selagi hidup berjiwa hamba	Selagi Hidup Berjiwa hamba	- selama atau sementara - terus bernyawa atau bernafas - bernyawa - budak belian

Makna harfiah '*selagi hidup berjiwa hamba*' telah dapat dikupas oleh murid melalui penerokaan Kamus Bahasa Melayu. Makna setiap satu leksikal yang dihasilkan ialah selagi = selama atau sementara, hidup = terus bernyawa atau bernafas, berjiwa = bernyawa dan hamba = budak belian. Makna yang diperoleh ini tidak dapat menggambarkan makna sebenar yang dihajati. Ungkapan '*selagi hidup berjiwa hamba*' ini mempunyai makna yang mendalam yang perlu dicungkil oleh pendengar (pengkaji) sehingga menemui falsafah dan akal budi penuturnya (pencipta sajak).

Maka dengan itu, murid dibimbing seterusnya oleh guru menelusuri makna di peringkat yang kedua, iaitu peringkat semantik resonans. Pada tahap ini, Teori Relevans yang diasaskan oleh Sperber dan Wilson (1986, 1995) dan disusuli oleh pengaplikasian Rangka Rujuk Silang (RRS) oleh Kempson (1984) digunakan untuk membantu menginterpretasikan makna secara implisit yang terkandung dalam ungkapan. Nor Hashimah (2007) menjelaskan bahawa prinsip asas Teori Relevans ialah setiap manusia berkomunikasi dengan berorientasikan relevan. Seperti yang dinyatakan sebelum ini, Teori Relevans menekankan tiga gagasan utama, iaitu konteks, kesan kognitif dan usaha memproses maklumat. Semakin banyak kesan kognitif diperoleh, maka semakin kurang usaha memproses maklumat diperlukan, dan kesannya semakin relevanlah ujaran itu.

Sebaliknya, jika terlalu sedikit kesan kognitif diperoleh, maka semakin tinggilah usaha untuk memproses maklumat, dan kesannya semakin tidak relevanlah ujaran tersebut. Konteks merupakan sekeras andaian yang boleh wujud dalam situasi mental mahupun yang diperoleh daripada persekitaran yang sebenarnya. Konteks tidak hanya terhad kepada maklumat tentang persekitaran fizikal yang paling dekat dan ujaran terdahulu yang paling hampir, tetapi turut melibatkan masa depan, hipotesis saintifik atau

kepercayaan keagamaan, kenangan lucu, andaian am tentang budaya dan kepercayaan terhadap pemikiran si penutur (Sperber & Wilson, 1995).

Kesan kognitif pula merupakan andaian awal yang wujud dalam diri pendengar atau pembaca tentang maklumat yang relevan pada diri pendengar atau pembaca. Kesemuanya tersimpan sebagai catatan ensiklopedia. Sesuatu ujaran dianggap menjadi lebih relevan, jika ujaran itu mempunyai lebih banyak kesan kognitif. Secara prinsipnya, lebih rendah usaha memproses maklumat maka semakin relevanlah ujaran itu. Bagi penutur, usaha memproses penting bagi memastikan ujarannya boleh difahami dengan mudah oleh pendengar. Berikut ialah usaha-usaha murid untuk mengesah makna implisit yang terkandung dalam ungkapan '*selagi hidup berjiwa hamba*'. Murid diedarkan dengan borang seperti pada Jadual 4 semasa proses PdP seni bahasa.

JADUAL 4: Penentuan kod, inferens dan andaian

Analisis Teori Relevan		
Data (2) selagi hidup berjiwa hamba		
Kod	Inferens	Andaian
Hamba	Suruhan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Hanya mengikut kehendak orang yang lebih berkuasa. 2. Tidak mengingkari perintah.

Setelah melaksanakan perbincangan, dua andaian diperoleh iaitu, yang pertama '*hanya mengikut kehendak orang yang lebih berkuasa*' dan yang kedua, '*tidak mengingkari perintah*'. Hasil keputusan suara ramai responden, andaian pertama diilihat lebih menjurus kepada makna yang dikehendaki oleh penutur. Agak mudah untuk mentafsir dan membuat andaian pada peringkat ini kerana murid telahpun memiliki pengetahuan lepas tentang kod '*hamba*' dan berupaya mengandaikan makna yang relavans dengan ungkapan yang diberikan. Di sinilah pengkaji dapat melihat keupayaan kognitif murid mentafsir makna melalui proses kemahiran berfikir yang tinggi.

Tidak cukup dan makna yang diberikan ini, guru membimbing murid seterusnya untuk mentafsir makna ungkapan '*selagi hidup berjiwa hamba*' dengan menggunakan Rangka Rujuk Silang (RRS) yang diperkenalkan oleh Kempson (1984). RRS terdiri daripada sekurang-kurangnya dua ayat selapis. RRS sesuatu ujaran yang tidak mempunyai anteseden yang dapat mengaitkan ayat kedua dengan ayat pertama dalam sesuatu wacana bagi membantu pendengar mentafsir ujaran tersebut. Anteseden yang diperlukan tidak wujud langsung sama ada daripada kandungan eksplisitnya mahupun gambaran visualnya. Bagi membantu pendengar memahami ujarannya, penutur ataupun penulis sajak memberi premis tambahan yang dapat menjadi sebahagian daripada konteks. Pendengar ataupun murid menggunakan premis tambahan itu bagi mengesah anteseden yang diperlukan bagi memahami

makna sebenar yang dihajati oleh penutur. Penganalisisan makna menggunakan RRS dapat dilihat seperti di bawah.

'Ayuh, bangsaku. Bangkitlah kita berjuang. Selagi hidup berjiwa hamba, pasti tetap terjajah abadi', kata Tok Penghulu kepada anak-anak buahnya.

Berdasarkan analisis RRS di atas, murid berupaya memahami makna ungkapan '*selagi hidup berjiwa hamba, pasti tetap terjajah abadi*' melalui pengalaman lepas. Maklumat tambahan pertama yang diperoleh oleh murid untuk memahami ungkapan ini ialah '*bangkitlah berjuang*'. Hal ini kerana ayat ini tidak mempunyai anteseden sedangkan ungkapan '*selagi hidup berjiwa hamba, pasti tetap terjajah abadi*' mempunyai makna tersirat yang perlu diterjemahkan dalam bentuk yang tersurat. Oleh itu, dengan wujudnya konteks '*bangkitlah kita berjuang*', menjadi maklumat tambahan untuk membolehkan murid memahami ungkapan dalam bingkisan sajak ini.

Dalam konteks Melayu, berjuang telahpun menjadi sebatи dalam kehidupan sebagaimana yang diharungi pada zaman kesultanan Melayu Melaka lagi sehingga peristiwa menuntut kemerdekaan Tanah Melayu 1957 daripada cengkaman penjajah. Orang Inggeris ataupun British yang merupakan penjajah tanah Melayu pada ketika itu (tamat perang dunia ke-2) telah memperhambakan masyarakat Melayu untuk menurut perintah mereka.

Namun begitu, atas dasar kesedaran telah wujud dalam jiwa dan sanubari masyarakat Melayu pada ketika itu, timbulah semangat berjuang untuk membebaskan diri daripada cengkaman penjajah. Andaian awal tersebut merupakan satu usaha memproses maklumat untuk mendapatkan tafsiran makna tersirat bagi ungkapan '*selagi hidup berjiwa hamba, pasti tetap terjajah abadi*'. Namun begitu, makna yang telah ditafsirkan melalui dua kaedah iaitu analisis TR dan RRS terhadap ungkapan '*selagi hidup berjiwa hamba, pasti tetap terjajah abadi*' belum mencukupi kerana ada makna implisit yang lebih mendalam dituntut oleh pencipta sajak ini.

Guru seterusnya membimbing murid mengesan makna di peringkat ketiga dalam pendekatan semantik inkuisitif ini, iaitu peringkat semantik inkuisitif. Pada peringkat ini, murid akan meneroka makna merentas pelbagai disiplin ilmu. Dalam pendekatan semantik inkuisitif (Nor Hashimah 2014), persoalan '*kenapa*', '*kenapa*' dan '*kenapa*' dikemukakan untuk mendapatkan makna implisit ungkapan '*selagi hidup berjiwa hamba, pasti tetap terjajah abadi*' sehingga menemui falsafah, nilai, budaya dan akal budi Melayu sebagaimana yang diingini oleh pencipta sajak. Kenapa leksikal '*hamba*' dipilih oleh penyajak dalam ungkapan '*selagi hidup berjiwa hamba*'? Di sinilah murid didehdahkan dengan maklumat yang berkaitan dengan mata pelajaran Sejarah.

Menurut fakta sejarah di dalam buku teks Sejarah Tingkatan 4, perhambaan merupakan amalan kemasyarakatan yang telah diamalkan di Negeri-negeri Melayu sejak zaman kesultanan Melayu Melaka lagi. Hamba dapat melambangkan pengaruh dan kekayaan seseorang pembesar pada ketika itu. Semakin ramai hamba yang dimiliki seseorang pembesar, ini menunjukkan semakin berstatus kedudukannya dalam masyarakat dan semakin kukuhlah kedudukan ekonominya. Golongan hamba dibahagikan kepada beberapa jenis iaitu hamba raja, hamba abdi dan hamba berhutang. Hamba raja biasanya terdiri daripada orang yang merdeka. Hamba raja juga dikenali sebagai budak raja atau digelar '*biduanda*'. Hamba raja lebih tinggi tarafnya berbanding dengan hamba lain terutamanya biduanda.

Kebanyakan hamba raja merupakan orang tawanan perang atau banduan. Mereka boleh dibebaskan jika kedua-dua buah negara berbaik semula. Hamba biasa atau abdi atau sahaya terdiri daripada golongan orang suruhan yang khas dan mereka berasal daripada keturunan tersebut. Mereka menjadi hamba seumur hidup kepada golongan pembesar atau orang biasa yang kaya-raya. Golongan hamba jenis ini biasanya diperolehi daripada pembelian atau pertukaran sesama tuan punya hamba. Mereka akan menjadi hamba seumur hidup kepada pemiliknya. Hamba berhutang pula berasal daripada orang yang merdeka. Oleh sebab gagal membayar hutang dalam tempoh tertentu yang ditetapkan oleh pemutang dalam tempoh yang ditetapkan, mereka terpaksa menjadi hamba kepada pemutang sehingga hutang mereka selesai. Isteri dan anak-anak orang yang berhutang juga akan menjadi hamba dan hendaklah tinggal bersama-sama pemutang sebagai hamba tebusan.

Taraf hamba akan luput apabila hutang tersebut selesai dijelaskan atau setelah tamat sesuatu tempoh perkhidmatan yang dipersetujui dengan pemutang. Hasil daripada maklumat yang didedahkan oleh guru ini, murid berupaya mencungkil makna yang mengaitkan penggunaan leksikal '*hamba*' dalam ungkapan '*selagi hidup berjiwa hamba, pasti tetap terjajah abadi*' seperti mana yang dihajati oleh pencipta sajak ini. Secara tidak langsung, tahap kognitif murid dapat dirangsang ke arah pemikiran aras tinggi seperti yang dituntut dalam pendidikan abad ke-21.

Persoalan seterusnya, kenapa pula frasa '*terjajah abadi*' yang digunakan oleh penutur dikaitkan dengan '*hamba*'? Frasa '*terjajah abadi*' sinonim dengan seseorang individu ataupun sekumpulan manusia yang menjadi tawanan dan tahanan orang yang lebih kuat dan berkuasa. Murid didehdahkan dengan maklumat berkaitan dengan penjajahan yang berlaku di Tanah Melayu ini bermula daripada zaman kedatangan Portugis di Melaka dan diikuti dengan Belanda, Jepun dan British. Di sini, murid memperoleh makna ungkapan '*pasti tetap terjajah abadi*' dengan merentas disiplin ilmu Sejarah. Tanah Melayu mula dijajah oleh

pihak asing yang dimulakan oleh Portugis pada tahun 1511 telah menyebabkan penduduk tempatan berasa tergugat dan tertindas di tanahair sendiri. Tempoh masa yang sungguh lama untuk penduduk di Tanah Melayu sedar akan diri mereka dijajah menunjukkan seakan-akan penjajaahan yang dialami pada ketika itu berkekalan dan tiada penghujungnya.

Untuk memahami makna abadi pula, murid telah didedahkan dengan makna linguistik pada peringkat pertama iaitu, semantik skrip. Menurut sesetengah kepercayaan agama, penganut-penganutnya berpegang kepada ajaran untuk mendapatkan kehidupan yang kekal abadi selepas kematian. Maklumat yang dibekalkan kepada murid ini sedikit sebanyak membolehkan mereka mula memahami makna ungkapan ‘*pasti tetap terjajah abadi*’. Penerangan yang jelas daripada guru berkaitan dengan ilmu Sejarah dan keagamaan ini memberi gambaran serta panduan kepada murid untuk berusaha merungkai makna yang terkandung dalam ungkapan ‘*pasti tetap terjajah abadi*’ yang dipetik daripada sajak ‘*Jiwa Hamba*’ nukilan Usman Awang. Dengan itu, guru dilihat berupaya memandu murid ke arah pemikiran kreatif selaras dengan konsep kemahiran berfikir aras tinggi dalam mencungkil makna ungkapan ‘*pasti tetap terjajah abadi*’ sehingga ke peringkat falsafah dan akal budi Melayu.

Kewibawaan murid dalam merencanakan makna ungkapan ‘*pasti tetap terjajah abadi*’ memberi gambaran jelas bahawa murid berupaya mengaplikasikan pendekatan semantik inkuisitif (Nor Hashimah 2014) dengan baik, di samping berkemampuan menjana pemikiran yang kreatif dalam PdP seni bahasa.

IMPLIKASI KAJIAN

Hasil kajian ini diharapkan dapat memberi input kepada pelbagai pihak yang bekepentingan dalam bidang pendidikan khususnya aspek seni bahasa dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Di peringkat pengurusan, KPM akan mendapat manfaat daripada kajian ini kerana dapatkan kajian akan memudahkan pihak di peringkat KPM merancang kurikulum pendidikan Bahasa Melayu yang lebih berfokus. Aspek seni bahasa merupakan perkara yang perlu diberi perhatian oleh KPM agar murid dapat mempelajari seni bahasa dengan lebih bersistematis sama seperti mempelajari ilmu pengetahuan yang lain.

Pendekatan semantik inkuisitif dan pengaplikasian Teori Relevans dalam bahan PdP seni bahasa berupaya mencungkil kreativiti dan seterusnya memberi nilai tambah dalam teknik dan kaedah sedia ada yang dipraktikkan oleh guru bahasa dalam sesi PdP. Hal ini bertepatan dengan kehendak KPM yang menyarankan guru memanfaatkan kaedah dan struktur dalam pendidikan abad ke-21 (PAK-21) bagi meningkatkan aspirasi murid seperti yang terkandung

dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (KPM 2013). Aspirasi murid yang dimaksudkan adalah hasil kemenjadian yang dibentuk melalui proses pembelajaran supaya setiap murid pada akhirnya akan mempunyai ilmu pengetahuan, kemahiran berfikir, kemahiran memimpin, kemahiran dwibahasa, etika dan kerohanian dan identiti nasional (KPM 2015). Proses PdP dengan menggunakan pendekatan semantik inkuisitif dapat memantapkan ilmu pengetahuan dan kemahiran berfikir murid khususnya murid di peringkat pendidikan rendah dalam konteks PdP seni bahasa, di samping menyerlahkan kemahiran murid menerokai makna bahan seni bahasa yang dipelajari.

Hasil kajian ini juga diharapkan dapat membuka ruang kepada para pengkaji bahasa yang ingin menjalankan kajian pada masa akan datang untuk mengaplikasikan pendekatan semantik inkuisitif di peringkat pendidikan rendah lebih-lebih lagi dalam aspek seni bahasa yang lain seperti puisi tradisional dan lirik lagu supaya hasilnya dapat dimanfaatkan. Kajian ini amat penting untuk melihat cara pembaca sama ada murid mahupun guru dapat mengesan makna secara tersirat yang terselit dalam bahan PdP seni bahasa. Hasil kajian ini sudah semestinya akan dijadikan sebagai rujukan supaya proses PdP seni bahasa di dalam bilik darjah menjadi lebih bermakna, menarik dan berkualiti.

KESIMPULAN

Ketrampilan murid dalam merungkai makna melalui penggunaan pendekatan semantik inkuisitif yang diperkenalkan oleh Nor Hashimah (2014) jelas menunjukkan wujudnya pertalian yang saling bertautan dalam kotak pemikiran murid. Pendekatan semantik inkuisitif yang diaplikasikan dalam sesi PdP seni bahasa diharapkan dapat diperluaskan lagi agar murid di peringkat pendidikan rendah khususnya berupaya untuk mencorak gaya pemikiran yang kreatif sepadan dengan tuntutan konsep pembelajaran abad ke-21 (PAK21). Pengesan makna yang menggunakan pendekatan SI ini juga dilihat lebih bersistematik dan amat bersesuaian dengan tingkat pemikiran daripada konkrit kepada abstrak dalam proses PdP seni bahasa. Walau bagaimanapun, perkara yang penting dalam proses PdP seni bahasa ialah keseronokan murid dalam menimba ilmu pengetahuan yang melibatkan proses penerokaan makna, di samping memastikan kandungan dan isi pembelajaran yang disampaikan berkualiti dan bermakna.

RUJUKAN

- Che Zarrina Sa’ari & Mohd Manawi Mohd Akib. (2018). Konsep jiwa menurut Al-Razi: Tumpuan terhadap perihal jiwa setelah berpisah daripada jasad. *Online Journal Research in Islamic Studies*, 5 (1): 33-47

- Chew Fong Peng & Zul Hazmi Hamad. (2018). Kemahiran berfikir aras tinggi dalam pembelajaran dan pemudahcaraan bahasa Melayu melalui teknik penyoalan. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 8 (1), 1-12 .
- Chew Fong Peng. (2016). Masalah Pembelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan murid Cina sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 6 (2), 10-22.
- George Romiko Bujang & Mary Fatimah Subet. (2021). Merungkai makna sajak "Istimewanya kita": Pengaplikasian semantik inkuisitif dalam kalangan murid tahun empat. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 11 (2), 68-79.
- George Romiko Bujang & Mary Fatimah Subet. (2021). Penggabungjalinan pendekatan semantik inkuisitif dengan kemahiran berfikir aras tinggi dalam pengajaran-pembelajaran bahan seni bahasa. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 12 (2), 55-66.
- Hasdi Daud, Anisah Azian Mohamad Yusub & Ibrahim Talib. (2020). *Bahasa Melayu tahun 5 Sekolah Kebangsaan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. (2005). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Putrajaya: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2018). *Laporan Tahunan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Putrajaya: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2019). *Bahasa Melayu Tahun 5*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2019). *Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Kempson, R. (1986). *Ambiguity and the Semantics-Pragmatics Distinction*. Dlm. Travis, C. (Eds.). *Meaning and Interpretation*. Oxford: Blackwell.
- Liamputpong, P. (2014). *Kaedah Penyelidikan Kualitatif*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Mary Fatimah Subet. (2012). *Teori Relevans dalam Personifikasi*. Dlm. Fazal Mohamed Mohamed Sultan, Norsimah Mat Awal & Harishon Radzi (Eds.). *Pemantapan dan Pembinaan Ilmu Linguistik Berasaskan Korpus*, hlm. 207-223. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mary Fatimah Subet. (2019). *Pengajaran-Pembelajaran Gaya Bahasa: Aplikasi Teori Relevans*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad.
- Mohd Ridzuan Md Nasir & Mary Fatimah Subet. (2018). Inovasi pengajaran dan pembelajaran peribahasa Melayu menggunakan Semantik Inkuisitif. *Multi-Disciplinary Research Journal*, 3 (3), 30-42.
- Muhammad Fauzi Jumingan. (2003). Penterjemahan bahasa figuratif Arab Melayu: Satu analisis teori relevans. Tesis Doktor Falsafah. Fakulti Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nor Hashimah Jalaluddin & Ahmad Harith Syah. (2009). Penelitian makna imbuhan *Pen-* dalam Bahasa Melayu: Satu kajian rangka rujuk silang. *GEMA Online Journal*, 9 (2), 57-72.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (2007). *Bahasa dalam Perniagaan: Satu Analisis Semantik dan Pragmatik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (2014). *Semantik dan Akal Budi Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sperber, D. & Wilson, D. (1986). Dlm. Nor Hashimah Jalaluddin. (Pnyt.). *Relevans Komunikasi dan Kognisi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Syed Arabi Idid. (1992). *Kaedah Penyelidikan Komunikasi dan Sains Sosial*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Usman Awang. (2009). *Jiwa Hamba*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia.

LAMPIRAN

Sajak "Jiwa Hamba"

Termenung seketika sunyi sejenak
Kosong di jiwa tiada penghuni
Hidup terasa diperbudak-budak
Hanya suara melambung tinggi

Berpusing roda beralihlah masa
Pelbagai neka hidup di bumi
Selagi hidup berjiwa hamba
Pasti tetap terjajah abadi

Kalau hidup ingin merdeka
Tiada tercapai hanya berkata
Ke muka maju sekata, maju kita
Melemparkan jauh jiwa hamba

Ingatkan kembali kata sakti
Dari bahang kesedaran berapi
Di atas robohan Kota Melaka
Kita dirikan jiwa merdeka

Nukilan Tongkat Warrant